

Stesen MRT tidak disepadukan dengan BB Plaza

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Projek My Rapid Transit tidak akan menjaskan bangunan Plaza Bukit Bintang (BB Plaza), kata Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Azhar Abdul Hamid.

Beliau berkata, MRT Corp akan membina stesen bebas tanpa integrasi dengan BB Plaza dan bangunan Yayasan Selangor.

"Kami juga telah mengeluarkan notis rasmi kepada pemilik harta persendirian lain dalam kawasan Bukit Bintang untuk memberitahu mereka tentang perkara itu," kata beliau pada taklimat media mengenai pakej kerja jambat V3 MRT di sini hari ini.

Bagaimanapun, Azhar berkata, kerja di stesen mungkin akan melibatkan perbincangan dengan pe-

milik BB Plaza dan Yayasan Selangor.

"Kami sedang menunggu jawapan daripada mereka. Mereka mengakui bahawa ia merupakan peluang berharga bagi mereka untuk mengintegrasikan dengan stesen, kerana ia akan meningkatkan nilai hartanah dan lokasi," kata beliau.

Katanya lagi, jika pemilik BB Plaza dan Yayasan Selangor mahu

mengintegrasikan dengan stesen, bangunan mereka perlu maju semula.

"Bagaimanapun, bagi kita, kita tidak mahu melambatkan projek itu dan akan terus membina stesen Bukit Bintang secara bebas, untuk memastikan kita akan dapat menyediakan projek pada masa yang ditetapkan, menjelang Julai 2017," kata beliau.

Mengenai pakej kerja jambat V3 bernilai RM816 juta yang diberikan kepada Mudajaya Corp pada Jun, beliau berkata, kerja-kerja akan bermula bulan ini.

"Daripada lapan pakej kerja jambat yang ditawarkan oleh MRT Corp, tujuh telah diberikan. Baki pakej, V8 (Taman Mesra-Kajang), dijangka diberikan pada akhir Ogos tahun ini," katanya. - **BERNAMA**